



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 26925196
Fax: 26911436

Ruj. Kami: (7) dlm KKM-87(P20/ 911/4)

Tarikh: 20 November 2002

Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Y.Bhg Dato/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 14 / 2002
GARISPANDUAN SISTEM KAWALAN KESELAMATAN DI HOSPITAL-HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk menyediakan panduan untuk sistem kawalan keselamatan di hospital-hospital KKM termasuk menetapkan norma keperluan pengawal keselamatan di hospital.

2. LATARBELAKANG

Hospital-hospital di Kementerian Kesihatan Malaysia perlu memberi perhatian kepada keselamatan harta benda, pesakit, anggota bertugas dan juga orang awam. Keperluan kawalan keselamatan di kawasan-kawasan hospital berbeza mengikut risiko yang dihadapi. Selain penggunaan pengawal keselamatan, terdapat beberapa cara lain yang boleh membantu dalam penjagaan keselamatan pesakit, anggota bertugas dan hartabenda di hospital. Samada dilakukan secara in-house ataupun diswastakan, perlu ada penyeragaman tentang sistem kawalan keselamatan di hospital.

3. GARISPANDUAN SISTEM KAWALAN KESELAMATAN DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Garis panduan ini menjelaskan norma keperluan bilangan pengawal mengikut sesuatu lokasi di hospital-hospital dan juga mengenalpasti beberapa jenis dan sistem kawalan keselamatan serta penggunaan pengawal keselamatan.

Garispanduan ini juga memberikan panduan bagi perolehan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta. Sila rujuk juga Garispanduan Sistem Keselamatan Pesakit dan Harta Kerajaan di Hospital yang telah diedarkan pada bulan Februari 1993.

5.- TANGGUNGJAWAB PENGARAH KESIHATAN NEGERI

Pengarah Kesihatan Negeri bertanggungjawab mengedarkan garispanduan kepada semua hospital dibawah jagaan masing-masing serta memantau pelaksanaanya.

6. TARIKH PELAKSANAAN

Garispanduan ini dilaksanakan serta merta.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan garispanduan ini hendaklah dikemukakan ke alamat berikut,

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590, Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang ikhlas,



TAN SRI DATU DR MOHAMAD TAHA BIN ARIF
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- s.k - Ketua Setiausaha
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
Pengarah Perkembangan Perubatan

GARISPANDUAN SISTEM KAWALAN KESELAMATAN DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1 OBJEKTIF

Menyediakan panduan untuk sistem kawalan keselamatan di hospital-hospital KKM termasuk menetapkan norma keperluan pengawal keselamatan di hospital.

2 LATARBELAKANG

- Surat Pekliling Am Sulit Bil 1 tahun 1993 yang dikeluarkan oleh JPM adalah mengenai "Meningkatkan Kualiti Kawalan Keselamatan Perlindungan Di Jabatan-Jabatan Kerajaan Meliputi Keselamatan Fizikal, Keselamatan Dokumen dan Keselamatan Peribadi". Di Kementerian Kesihatan, hospital-hospital sentiasa di ingatkan mengenai perlunya menjaga keselamatan harta benda, pesakit, anggota bertugas dan juga orang awam. Garispanduan mengenainya telah dikeluarkan pada bulan Februari 1993 iaitu "Garispanduan Sistem Keselamatan Pesakit dan Harta Kerajaan di Hospital".
- Penswastaan perkhidmatan kawalan keselamatan di hospital KKM telah pun dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lepas. Berikutan itu beberapa hospital telah memperolehi perkhidmatan kawalan keselamatan dari pihak swasta. Bagi hospital yang masih menyediakan perkhidmatan ini secara in-house, terdapat masalah kekurangan pengawal keselamatan.
- Sehingga kini belum ada garispanduan yang dikeluarkan oleh Kementerian mengenai sistem kawalan keselamatan di hospital dan juga norma bilangan pengawal keselamatan yang perlu disediakan mengikut tahap risiko sesuatu lokasi. Permohonan hospital-hospital untuk mendapatkan khidmat pengawal keselamatan swasta sukar untuk dipertimbangkan kerana ketiadaan penyeragaman dari segi keperluan bilangan pengawal keselamatan yang dipohon.
- Bagi mengatasi masalah-masalah diatas, Bahagian Perkembangan Perubatan dengan bantuan beberapa orang pegawai/anggota dari 9 buah hospital telah mengadakan mesyuarat untuk mengkaji secara terperinci dan seterusnya menghasilkan garispanduan keperluan kawalan keselamatan di hospital-hospital KKM.

3 GARISPANDUAN KAWALAN KESELAMATAN DI HOSPITAL KKM

3.1 Kawasan yang memerlukan kawalan keselamatan

Beberapa kawasan di hospital telah dikenalpasti sebagai kawasan yang memerlukan kawalan keselamatan atas sebab-sebab berikut,

- Terdapatnya barang bermilai yang disimpan seperti wang ringgit, peralatan, ubat dan lain-lain contohnya unit hasil dan setor.
- Terdapat masalah kehilangan / penculikan bayi yang berlaku dibeberapa hospital contohnya bilik bersalin, wad bersalin dll.
- Keadaan sesak yang perlu dikawal bagi mengelakkan kejadian yang tidak di ingini contohnya di unit kecemasan, klinik dll.
- Mengelakkan kemasukan orang-orang yang tidak berkenaan serta mengelakkan kejadian kehilangan harta benda pesakit dan anggota perubatan contohnya wad, asrama dll.

3.2 Jenis dan sistem kawalan keselamatan

Beberapa jenis sistem kawalan keselamatan telah dikenalpasti dan hospital boleh menggunakan budibicara sendiri untuk menentukan keperluan masing-masing. Selain penggunaan pengawal keselamatan, beberapa jenis sistem kawalan keselamatan telah dikenalpasti. Sistem ini boleh digunakan secara sendirian (the only system) atau sebagai tambahan bagi meningkatkan lagi kawalan keselamatan. Diantaranya ialah,

- Penggunaan kad/pas lawatan
- Loceng panggilan
- Sistem penggera
- Sistem kawalan pintu masuk electronic/digital
- Lampu
- Pagar keselamatan
- Geriji besi
- CCTV (closed circuit TV) – sekiranya didapati kos efektif

3.3 Penggunaan pengawal keselamatan

Disamping mengawal keselamatan di tempat-tempat yang dinyatakan, pengawal keselamatan juga boleh membantu mengawal lalulintas dan kemasukan kenderaan dikawasan hospital serta memberi panduan dan tunjukarah kepada orang ramai yang datang ke hospital. Penggunaan pengawal keselamatan boleh dibahagikan kepada jenis berikut,

- Kawalan sepenuh masa (24 jam)
- Kawalan bagi tempoh masa tertentu sahaja
- Kawalan secara rondaan

Beberapa kawasan hospital yang telah dikenalpasti memerlukan pengawal keselamatan, bilangan pengawal keselamatan yang diperlukan, tempoh kawalan serta sistem kawalan keselamatan lain yang boleh digunakan telah dikenalpasti seperti dilampiran 1.

3.4 Perolehan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta

- » Bagi memastikan perolehan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta yang berkualiti dan menepati keperluan pihak hospital, lampiran 2 memberikan panduan bagi perolehan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta terangkumi pembahagian kerja mengikut shif, kriteria pemilihan pengawal keselamatan, tanggungjawab pihak hospital, tanggungjawab pihak syarikat dan tanggungjawab pengawal keselamatan yang bertugas. Perolehan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta hendaklah mengikut prosidur dan peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

4 IMPLIKASI KEWANGAN

Pihak hospital perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk perolehan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta. Keperluan tambahan hendaklah dipohon mengikut prosidur dari peraturan sediada.

5 PENGAWASAN

Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital adalah bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan garispanduan ini.

KEPERLUAN PENGAWAL KESELAMATAN MENGIKUT KAWASAN

| Bil | Kawasan | Tempoh kawalan | Bilangan pengawal | Sistem kawalan keselamatan lain yang boleh digunakan |
|-----|--------------------------------|----------------|------------------------------|--|
| 1. | Unit hasil/ pendaftaran masuk | 24 jam | 1 | Sistem bar code/electronic digital entrance |
| 2. | SCN/NICU | 24 jam | 1 | Loceng panggilan Pas lawatan |
| 3. | ICU | 24 jam | 1 | Loceng panggilan Pas lawatan |
| 4. | Bilik bersalin | 24 jam | 1 | Loceng panggilan |
| 5. | Stor farmasi | 24 jam | 1 Pengawal bersenjata | Pagar keselamatan Sistem penggera |
| 6. | Setor lain | 24 jam | 1 | Pagar keselamatan Sistem penggera |
| 7. | Lobi utama/kawasan lif | 24 jam | 1+1 untuk tugas rondaan | |
| 8. | Kounter pas keselamatan | 24 jam | 1 | |
| 9. | Unit kecemasan | 24 jam | 1 | |
| 10. | Wad psikiatri | 24 jam | 1 | Loceng panggilan Jeriji besi |
| 11. | Wad bersalin | 24 jam | 1 | Loceng panggilan Pas lawatan |
| 12. | Klinik / Unit rawatan harian * | 8 jam | 1 | |
| 13. | Pathologi * | 8 jam | 1 | |
| 14. | Pengimejan diagnostik * | 8 jam | 1 | |
| 15. | Pejabat pentadbiran * | 8 jam | 1 | |
| 16. | Kawasan letak kereta | 24 jam | 1 | |
| 17. | Asrama jururawat | 24 jam | 1 | Pagar, lampu |
| 18. | Balai pelawat | rondaan | Kekerapan mengikut keperluan | lampu |
| 19. | Kuarters anggota | rondaan | Kekerapan mengikut keperluan | Pagar, lampu |

* Keperluan kawalan keselamatan ditentukan oleh hospital.

Anggaran diatas adalah bagi hospital yang mempunyai beberapa bangunan berasingan dan kawasan luas. Bilangan dijangka kurang bagi hospital-hospital kecil.

PANDUAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN SWASTA

Pembahagian Kerja

Kawalan 24 jam dibahagikan kepada 3 shif berikut,

| | | | |
|-------------|-------------|---|-------------|
| Shif pagi | 7.00 pagi | - | 3.00 petang |
| Shif petang | 3.00 petang | - | 11.00 malam |
| Shif malam | 11.00 malam | - | 7.00 pagi |

Kriteria/Syarat Pemilihan Pengawal Keselamatan

- berumur 21-55 tahun
- tamat sekurang-kurang nya tingkatan 3 persekolahan
- sebaik-baiknya bekas anggota tentera/polis
- bebas dari rekod jenayah/dadah
- sihat tubuh badan (lulus pemeriksaan kesihatan)
- mempunyai sijil kursus keselamatan

Tanggungjawab Hospital

- 1 Menyediakan senarai tugas dan memberi penerangan mengenai tugas dan tanggungjawab pengawal keselamatan di hospital
- 2 menyediakan bilik untuk urusan kawalan keselamatan
- 3 mengadakan mesyuarat dengan syarikat sekurang-kurangnya 2 kali setahun
- 4 mengenakan denda kepada syarikat jika gagal melaksanakan tanggungjawab
- 5 membuat penilaian prestasi perkhidmatan setiap 6 bulan
- 6 meminta syarikat menukar pengawal keselamatan yang bermasalah selepas 2 amaran bertulis

Tanggungjawab Syarikat Kawalan Keselamatan

- 1 Memastikan pengawal keselamatan yang disediakan memenuhi criteria yang ditetapkan.

- 2 Menyediakan jadual bertugas setiap hari dan juga laporan harian bagi kawalan keselamatan untuk diserahkan kepada hospital
- 3 Menyediakan pengganti bagi pengawal keselamatan yang jatuh sakit semasa bertugas atau bercuti kecemasan
- 4 Menyediakan seorang penyelia untuk mengawasi perkhidmatan kawalan keselamatan serta sebagai pegawai perhubungan diantara pihak hospital dengan syarikat.
- 5 Memastikan kebersihan tempat dan kawasan bertugas termasuk bilik pengawal keselamatan sekiranya disediakan.
- 6 Bertanggungjawab keatas kehilangan atau kemusnahan peralatan di hospital akibat kecuaian anggotaanya.
- 7 Mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak hospital.
- 8 Memberi kerjasama kepada pihak hospital apabila diperlukan.
- 9 Menyediakan keperluan peralatan untuk akwalan keselamatan seperti alat perhubungan 2 hala, watchman clock, wisel, lampu suluh dan senjata api (mengikut keperluan)
- 10 Memberi latihan yang diperlukan kepada anggota pengawal keselamatan bagi meningkatkan kecekapan mereka dalam menjalankan tugas.

Tugas dan Tanggungjawab Umum Pengawal Keselamatan

- 1 Memastikan sentiasa berpakaian kemas semasa bertugas
- 2 Memberi panduan / tunjukarah/penerangan kepada pesakit/orang awam
- 3 Memberi bantuan kepada pesakit/orang awam dalam situasi kecemasan
- 4 Mengekalkan hubungan baik dengan orang awam dan anggota hospital
- 5 Memastikan semua pintu dan pintu pagar dikawasan hospital ditutup/berkunci dan lif dalam keadaan baik.
- 6 Menjaga keselamatan harta benda kerajaan yang terdapat dikawasan tempat bertugas.
- 7 Mengawasi pelawat yang keluar masuk samada semasa atau selepas waktu melawat
- 8 Mengawal kawasan yang penuh sesak bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini

- 9 Melaporkan sebarang kerosakan / kejadian pelik yang berlaku
- 10 Menjaga dan mengawasi lalulintas kenderaan serta kenderaan yang diletak sesuka hati.
- 11 Mematuhi semua peraturan-peraturan di hospital
- 12 Mematuhi waktu bertugas dengan mengetip perakam waktu atau merekod dalam buku kedatangan